

Membentuk Budaya Rahmah, Bukan Benci

Dunia dikejutkan lagi dengan cubaan pengeboman seorang remaja, Umar Farouk Abdulmutallab di atas pesawat Northwest Airline pada 25 Disember yang lalu di Detroit, Amerika.

Profil Umar Farouk Abdulmutallab menarik dikaji. Beliau seorang remaja berumur 23 tahun, beragama Islam, warganegara Nigeria, berpendidikan sekolah elit antarabangsa – British International School di Togo. Tamat persekolahan, beliau berjaya memasuki University College London selama 3 tahun untuk menjadi seorang jurutera.

Setelah tamat pengajian di London, beliau merantau ke Amerika, Yaman, dan Mesir untuk mengikuti kursus-kursus bahasa Arab dan belajar agama. Atas desakan ibunya, yang jarang beliau ketemui kerana perantauan beliau, beliau ke Universiti Wollongong di Dubai untuk menyambung pelajarannya dalam bidang perusahaan. Namun beliau meninggalkan pembelajarannya dan kembali ke Yaman untuk belajar bahasa Arab.

Kali terakhir beliau berbicara dengan keluarganya ialah pada Oktober 2009. Bapanya mendapati perubahan yang amat ketara pada diri anaknya. Rakan-rakan sekolahnya di Yaman juga mendapati beliau banyak menyendiri sehingga sering beliau tidak menghadiri kelas.

Sejak Oktober 2009, beliau tidak dapat dikesan sehinggaalah beliau menaiki pesawat Northwest Airlines dari Ethiopia melalui Nigeria, Amsterdam dan akhirnya di Detroit, Amerika di mana beliau cuba meletupkan bom yang disembunyikan di dalam seluar dalamnya.

Bagaimana mungkin seorang yang cemerlang dalam pendidikannya berubah menjadi seorang pengebom nekad?

Usaha beliau ingin meletupkan pesawat pada tahun 2009 menunjukkan beliau telah jatuh tersesat ke dalam kancang radikal. Sekurang-kurangnya sebagai pelajaran buat kita, langkah menuju radikal bagi Umar Farouk punya 3 tahapan. Pertama, bermula dari kebingungan yang dirasakan sendiri, kedua, kejauhan dari didikan dan kemesraan dengan keluarga, dan ketiga, perantauan mencari bentuk kehidupan yang dihajati. Mungkinkah anak-anak remaja

kita juga sedang mengalami pengalaman ini?

Kebingungan Umar Farouk

Dalam suatu kenyataan akhbar keluarganya, perubahan sikap Umar Farouk dapat dibayangkan. ‘Kehilangan dan terhentinya komunikasi menyebabkan ibu dan bapanya bimbang sehingga mereka melaporkan kepada pihak bertanggungjawab. Ini adalah sesuatu yang diluar jangkaan dan perubahan terkini di dalam keperibadian Umar Farouk. Sejak kecil lagi, Umar Farouk telah mendapat perhatian yang baik dari ibubapanya dan tidak pernah menunjukkan sebarang perilaku, tindakan ataupun percampuran yang membimbangkan. Dikeranakan perubahan yang amat ketara, kedua ibubapanya melaporkannya dan meminta pertolongan.’

Pada awal tahun 2005, Umar Farouk di dalam satu forum perbincangan di Internet mengatakan, ‘...aku tidak punya sebarang kawan. Bukan kerana aku tidak bercampur, tetapi kerana mereka tidak mahu dekatiku kerana aku tidak seperti mereka yang kerap berhibur, atau kerana (aku tidak bercampur dengan mereka kerana) mereka orang jahat yang berkawan denganku dan menyebabkan aku melakukan perkara jahat...Apabila aku kesepian,kehendak seksual kerap mengganggu dan aku susah melawannya. Ini menyebabkan aku terjerumus melakukan dosa-dosa kecil seperti tidak mengawal pandanganku. Masalah ini menyebabkan aku ingin berkahwin untuk mengelakkan diriku dari bisikan nafsu...Namun aku baru berumur 18 tahun...Amatlah sukar untuk aku berkahwin kerana norma sosial yang mengizinkan hanya selepas berumur 20an tahun, dengan mempunyai ijazah, pekerjaan, rumah, dan lain-lain sebelum berkahwin. Perkara terakhir yang ingin aku bincangkan adalah dilemaku di antara mengendalikan isu liberalisma dan ekstremisma...Bagaimanakah seseorang itu mengimbangi kedua-duanya?’

Suara kebingungan Umar Farouk jelas kelihatan dalam mengharungi desakan hidup dan kecelaruan fikirannya. Keadaan dunia masa ini dengan segala kecanggihannya dan menerusi rangkaian maklumat dan platform informasi yang meluas kadangkala mungkin menjadi sandaran kebingungan anak-anak remaja kita. Apakah ada di antara anak-anak remaja kita sendiri sedang melalui dilemma sebegini?

Data mengenai kadar juvenil, penceraian waktu muda, kelahiran luar nikah, ugutan tailong seakan mengiyakan sangkaan kita ini. Setiap penyakit sosial ini perlu ditangani dengan teliti. Begitu juga gejala radikalisme ini yang lebih bahaya kerana menyalahgunakan agama

sebagai dasarnya dan akan memusnahkan masyarakat dan tamadun kita.

Pada saat kebingungan sedemikian, Umar Farouk mencari petunjuk. Namun, kepada siapakah yang beliau dapat kemukakan kebingungannya. Siapa yang berikan beliau petunjuk?

Peranan ibu bapa

Al-Quran sebagai kitab suci yang kita imani acapkali menceritakan senario berbeza tentang hubungan kemanusiaan. Menyedari keluasan perhubungan ini, al-Quran menjelaskan kepelbagaianya. Salah satu sudut yang dirakamkan al-Quran adalah perhubungan ibubapa dan anak-anak. Indahnya, al-Quran mengekalkan kepelbagaian hubungan ini.

Sebagai contoh, kita pelajari nilai keadilan apabila Nabi Adam a.s. menghadapi percanggahan Habil dan Qabil. Kita cuba meresapi erti airmata dan kasih sayang di dalam merenung perpisahan Nabi Yaaqub a.s. dari Nabi Yusuf a.s. Kita teliti keluasan hikmah seorang ayah di dalam mentarbiyah anaknya di dalam wasiat Luqmanul Hakim kepada anaknya. Kita perhatikan ketegasan Nabi Nuh a.s. kepada anak-anak dan isterinya di dalam menolak kemungkaran.

Kita tangisi keperitan pengorbanan seorang ibu tunggal di dalam melahirkan, menjaga dan membesarakan anaknya pada kisah agung Saidatina Maryam, ibu kepada Nabi Isa a.s. Kita kagumi keakraban sesama ayah dan anak serta ketaqwaan kedua-duanya di dalam menjalankan perintah Allah swt di dalam kisahnya Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s.

Secara kesimpulannya, al-Quran menitikberatkan kedudukan mulia ibubapa dan anak-anak. Ia menjelaskan kepentingan membina hubungan, mengelolakan usaha pentarbiyan, dan membabitkan taqwa.

Baginda Rasulullah s.a.w. juga menjelaskan ikatan mulia ini dengan kesucian fitrah apabila seseorang anak dilahirkan. Rasulullah s.a.w. menjelaskan besarnya peranan ibubapa sebagai membabitkan benih sang anak menjadi baik atau buruk.

Dalam dunia global hari ini, bagaimanakah daya kemampuan ibubapa mengawasi dari sudut ugama, pendidikan, akhlaq, percampuran, minat, kecenderungan, kekuatan dan kelemahan jiwa sang anaknya?

Realitinya, tugas dan tanggungjawab ibubapa untuk mengawasi anak-anak remaja kita hari ini amat mencabar sekali. Namun pentarbiyanan anak-anak adalah satu tanggungjawab bagi ibubapa. Ibubapa berperanan untuk bersusahpayah mengusahakan pengasuhan tarbiyah anaknya. Erti tarbiyah di dalam Islam bertujuan membentuk seorang anak menjadi insan Rabbani yang terhubung ikatannya dengan Allah s.w.t. dan menjadi aset bagi kemanusiaan (hablum minAllah dan hablum MinanNas).

Dalam usaha ini, banyak peranan ibubapa. Antara lain, ibubapa berperanan membabitkan kecenderungan anak dalam sudut agama. Kecenderungan beragama adalah sesuatu yang digalakkan oleh agama. Agama mengajak kita belajar peraturannya. Agama menunjukkan jalan beribadah kepada Allah swt. Tetapi istilah dan konsep ibadah ini perlu difahami, dari sudut yang amat luas, dalam kita mencorakkan keseluruhan hidup kita baik sebagai individu, anak, suami/isteri, masyarakat, dan rakyat.

Tetapi kerana kurang faham, istilah ibadah itu disempitkan. Kerana kurang peka terhadap dua objektif utama hidup Muslim iaitu membina hubungan ikatannya dengan Allah s.w.t. dan menjadi aset bagi kemanusiaan, Umar Farouk mengertikan warak itu sebagai meninggalkan segala yang disangkanya asing. Contohnya, apabila sedang belajar bahasa Arab di Yaman, terdengar suara azan berkumandang, beliau langsung meninggalkan kelas tanpa memperdulikan guru dan pelajaran kerana baginya beliau perlu bingkas menjawab seruan azan.

Kelakuan sebegini berteraskan penularan ideologi ekstremis yang tiada landasan dan kumpulan ganas seperti al-Qaeda dan JI yang mewarnakan erti ibadah dan warak yang amat eksklusif dan tegar. Dalam keinginan mencapai darjat yang tinggi, mereka mengerti dan memupuk di dalam diri anggota dan simpatisan mereka bahawa fahaman mereka yang benar. Dalam ingin mencapai sesuatu kedudukan sebagai Muslim sejati, mereka mula merasakan yang lainnya tidak sejati.

‘Aku tidak punya kawan’

Di dalam kita menginjak jalan pendidikan di dalam Islam, kita perlu pertama dan utama faham atas tujuan belajar agama. Secara keseluruhannya, Prof Syed Muhammad Naquib al-Attas, cendikiawan ternama Islam kini, menjelaskan bahawa konsep pendidikan di dalam Islam adalah supaya timbul ‘kesadaran dan pengiktirafan (di dalam diri insan itu) kedudukan atau tempat sebenar sesuatu wadah atau benda dalam kacamata kedudukannya dibandingkan keseluruhan penciptaan sehingga kesadaran dan pengiktirafan ini memimpin ke arah kesadaran dan pengiktirafan kedudukan Tuhan dalam kacamata seluruh kehidupan.’

Tujuan kita belajar agama adalah supaya terbit di dalam diri kita kesadaran. Dengan ilmu, akal kita sadar hakikat sesuatu. Ilmu mengajar kita sadar bahawa ada tempat bagi setiap sesuatu dalam skema penciptaan Tuhan yang amat luas. Kalau kita pelajari Ilmu Hisab, contohnya, akal kita akur bahawa 2 lebih besar dari 1. Dalam kita belajar nahu Arab, contohnya, kita sadar mutbada’(subjek) memerlukan pada khabarnya (predikat). Ada tempat bagi setiap ciptaan Tuhan.

Namun kesadaran tidak cukup, tanpa pengiktirafan. Ilmu tentang bahayanya keganasan berteraskan salahguna agama tidak mencukupi, kalau kita tidak iktiraf dengan perkataan dan tindak-tanduk tentang mengatasi dan mengawal penularannya. Kesadaran menjelmakan pengiktirafan.

Lebih mulia lagi, pendidikan di dalam Islam memimpin seluruh kemampuan insan, baik pancaingeranya, kecenderungannya, akalnya dan terpenting juga jiwa dan perasaannya mengesakan Tuhan. Kita sadar dan iktiraf keesaan Tuhan.

Kalau ilmu hanya membawa manusia, dalam contoh Umar Farouk, merasakan dia lebih pandai, lebih warak dari yang lain, dia berhak membunuh, ilmu yang dipelajarinya tidak bertepatan dengan objektif pendidikan Islam. Sikap sebegini celaru. Sikap sebegini telah terjangkit fahaman-fahaman tegar yang mengeksplorasikannya bagi tujuan tertentu mereka.

Umar Farouk tersilap didalam mencari jalan warak kerana sebagai remaja, dia punya kekosongan ilmu, identiti, dan kesempitan untuk berfikir panjang. Jiwanya masih rapuh. Beliau mampu terjerat dengan keinginan. Dalam keadaan ini, beliau belum mengetahui keluasan ilmu agama untuk beliau menetapkan sendiri hala tuju hidup beragamanya. Beliau

mengharapkan tafsiran agama dari sumber luaran.

Sebagai ibu bapa, kita perlu melihat kepada keadaan rapuh dan kekosongan ini di dalam diri anak-anak. Mulanya anak akan menunjukkan keadaan ingin berubah. Apakah kita mampu menunjukkan jalan, membimbingnya untuk dia berubah. Kita harus peka, kita harus akrab bersama. Sekurang-kurangnya, kita harus menyiapkan kemampuan ‘sadar dan iktiraf’ di dalam diri anak kita tentang apa itu kebaikan dan apa pula keburukan.

Kita menimbulkan ‘sadar dan iktiraf’ di dalam diri anak kita bahawa dalam kebingungan, jalan sebenar ilmu adalah bukan pengganasan. Jalan warak adalah jalan yang dawam, kekal, istiqamah, jalan membabitkan dengan sabar dan redha perubahan diri dari kotor ke suci.

Tanpa panduan menjanakan kemampuan ‘sadar dan iktiraf’ ini, si anak akan terus bingung mencari dan mudah menerima apa sahaja yang mendorong keinginannya, yang akhirnya mungkin memusnahkannya.

Persinggahan kritikal seseorang anak di dalam hidup adalah apabila dia menginginkan kesucian namun sekitarannya kotor. Beliau tidak melakukan maksiat tetapi rakan-rakannya bermaksiat. Lebih mudahkah untuk dirinya mengikuti mereka ataupun untuk mereka mengikutinya.

Apa sahaja yang membawa dia untuk merasakan dan mempertahankan kewarakannya, beliau akan mengikuti. Apatah lagi jika seorang remaja dijanjikan dengan imbalan yang berbentuk suci dan berkekalan atas nama Tuhan dan agama. Mereka akan terlebih terdorong menempa nama sebagai wira dalam agama. Para radikal berjaya menanamkan di dalam jiwanya bahawa apa sahaja yang dilakukan untuk Tuhan halal baginya. Malahan tindak-tanduk ganasnya adalah kehendak Tuhan.

Umar Farouk kini terperangkap dengan fahaman bahawa hidupnya bukan lagi dunia ini sebagai tempatnya. Keluarga dan negaranya bukan lagi kepunyaannya. Dia merasakan syurga sahajalah tempat kediamannya. Kini beliau merasakan ahli keluarganya adalah penghuni syurga. Disanalah beliau bersama-sama dengan Tuhannya.

Dilema ini benar pada hari ini. Anak-anak kita menghadapi dilema semacam ini. Maka bagi ibu bapa, pemantauan terhadap keinginan ini penting dan kritikal.

Realitinya, hari ini, banyak pihak terlibat sama mencorak keperibadian seseorang individu. Ibu bapa, keluarga terdekat, persekitaran, dan budaya berperan terhadap pembentukan dan penumbuhan anak itu. Institusi pendidikan dan keagamaan dan media seperti televisyen dan internet menjadi saluran dan alat penting di dalam mencorak mereka.

Kesatuan Masyarakat Menewaskan Pengganasan

Keadaan global hari ini berbeza dengan hidup kita 20 tahun yang lalu. Kecanggihan teknologi yang kita gunakan setiap hari kini punya kemampuan luarbiasa. Internet contohnya dapat merangkaikan anak-anak kita dengan pelbagai unsur baik dan buruk. Internet juga mengenalkan anak kita kepada pancingan-pancingan masalah duniaawi. Selalunya, sadar atau tidak, dalam gelora remaja, mereka tidak mampu melihat muslihat yang dirancangkan.

Pujangga Islam seperti Ibn Khaldun di dalam kitabnya, *al-Muqaddimah*, telah membincangkan satu istilah penting untuk dapat kita garap hari ini. Ibn Khaldun mengetengahkan kepentingan isu *asabiyyah* (pembentukan komuniti). Menurut Ibn Khaldun, manusia punya fitrah untuk membina kesefahaman dan hubungan melalui pembentukan komuniti atau masyarakat tersendiri. Lumrah bagi manusia mencari aliran masing-masing, maupun membentuk aliran kehidupan sendiri.

Ibn Khaldun juga mengingatkan bahawa sejarah manusia membuktikan bahawa *asabiyyah* ini mampu berubah. *Asabiyyah* kepada sesuatu aliran atau budaya kehidupan mampu hilang dan digantikan. Perlu diingatkan *asabiyyah* itu boleh menjurus kepada positif maupun negatif.

Sebagai masyarakat Islam Singapura, kita telahpun mencorak *asabiyyah* kita. Kita telah mencorak identiti, bentuk pengamalan agama dan budaya hidup kita. Bagaimanapun, ombak kehidupan berubah, kita mungkin harus bijak mengemudikan *asabiyyah* kita ini. Apakah mungkin dalam 50 tahun akan datang ini, anak-anak kita merubah *asabiyyah* kita? Mungkin sekali berlaku. Namun kebimbangan kita adalah bentuk yang bagaimanakah masa depan generasi kita akan tercipta? Apakah Islam akan dianuti berteraskan faham tegar serta

hilang nilai rahmah dan keindahan Islam yang sedang kita perjuangkan?

Antara bahaya ideologi ganas dan gerakan militan berteraskan agama ini adalah keinginan mereka merekrut ataupun sekurang-kurangnya menaburkan bibit ideologi tegar mereka ke seluruh dunia. Ini realiti yang perlu kita ‘sadar dan iktiraf’.

Umar Farouk seperti ramai lagi di merata dunia menjadi mangsa penularan asabiyyah ganas ini. Maka sebagai masyarakat, sebagai ummat Islam, kita bertanggungjawab memperjuangkan kemurnian Islam dari ternoda dengan tafsiran sedemikian.

Sejarah para sahabat sendiri berlumuran darah dan keringat dengan perjuangan menghidupkan kemurnian Islam. Kaum Khawarij gagal ke hadapan dengan ideologi mereka, kerana para sahabat tegas menghadapinya.

Para ulama membina ketamadunan tradisi ilmu Islam, supaya tidak ternoda dengan tafsiran tegar dan sesat atas wahyu Ilahi dan sunnah Nabi.

Sekurang-kurangnya bagi kita, kita berperan menghulurkan kepada generasi akan datang kita, penghayatan agama Islam sebagai agama salam, agama rahmat dan barakah.

Sarjana Barat seperti Geert Hofstede, seorang psikologis, menimbulkan beberapa konsep menilai kejituhan sesebuah masyarakat. Antara alat penilaian yang beliau kemukakan termasuk fenomena ‘uncertainty avoidance’ (penolakan ketidaktentuan). Beliau mengenalkan bahawa sesuatu masyarakat perlu menilai kemampuannya untuk mengelak dari ketidaktentuan di dalam hidupnya. Mungkin kita sebagai masyarakat perlu mengkaji apakah kita masyarakat yang tinggi kemampuan menolak ketidaktentuannya atau melihat kemampuan membina visi masa depan ataupun kita hanya berorientasikan kebelakang.

Jika tidak, generasi akan datang kita akan dengan mudah mula memihak kepada mereka yang menggelarkan dirinya, tanpa rasa malu dan segan, sebagai pemuka suara agama sehingga mereka menjerat anak-anak kita untuk membenci semua yang tidak sejalan dengan mereka.

Isu politik yang diapi-apikan dan ideologi yang amat tegar dan penuh dengan kebencian merubahkan anak yang jujur, seperti Umar Farouk menjadi remaja yang membenci dan remaja yang tidak boleh puas sekadar memikirkan masalah tersebut tanpa bertindak, menghancurkan dan mengebom mereka yang dianggap musuh.

Lebih memberatkan apabila ibu bapa juga, sadar atau tidak, menanamkan rasa benci di dalam membina rumah tangganya. Ibubapa menganjurkan rasa simpati kepada jalan pengganasan tanpa disedari. Hakikatnya, tiada ibubapa mahu anaknya menjadi pengandas dan berubah menjadi pembunuhan dalam bentuk pengebom nekad.

Tapi kadangkala suasana mengiyakan pengganasan di dalam rumah tangga memberikan motivasi kepada anak-anak untuk mengatakan pengganasan relevan dalam hidupnya.

Globalisasi guru kita?

Isu pembelajaran agama juga perlu diperhatikan. Apakah kita sekeluarga serta anak-anak kita punya guru dalam belajar agama? Siapa yang menjadi rujukan agama kita?

Kita perlu akui bahawa seorang Muslim maupun Muslimah perlukan petunjuk jalan dan tempat rujuk dalam urusan agama. Bertanyalah kepada mereka yang ahli, jika tidak binasa.

Kalau majoriti umat Islam boleh melihat isu politik dunia dan tidak terusik untuk menjadi pengebom nekad, ini adalah kerana mereka akur pengeboman nekad dan reaksi ganas bukan sebahagian dari anjuran agama Islam. Islam agama yang menaburkan salam, rahmah dan barakah. Islam bukan agama yang menaburkan benci dan mati.

Apakah pembelajaran agama kita dan anak-anak membabitkan erti rahmah, salam dan barakah di dalam hidup kita, atau pembelajaran agama kita makin hari menjadikan kita insan yang hilang sifat rahmahnya. Jelas ibu bapa Umar Farouk melihat perubahan ini.

Bapanya, Hj Umar Abdulmutallab, 70 tahun, seorang usahawan berjaya sedar dalam

keperitan melihat anaknya jatuh dalam kancang pengganasan. Kekuatannya adalah beliau sendiri tidak tewas mengiyakan pengganasan, tetapi bertindak melawan arus pengganasan. Ini atas harapan anaknya terselamat. Ini usaha dan upaya seorang ayah. Keberanian moralnya dalam menghadapi cabaran ini harus dicontohi.

Zaman globalisasi ini menyajikan kepada kita kekerapan bertemu dengan pelbagai budaya dan kehidupan. Sajian globalisasi ini mengeluarkan kita dari kepompong kita. Namun sajian ini perlu mampu kita mengimbangi. Kita digelar ummatan wasatan. Para mufassir telah menerangkan kepada kita keluasan ertinya. Menurut al-Qurtubi, ummatan wasatan ini adalah masyarakat yang seimbang yang terpuji kerana ia berdiri teguh di antara dua keterlanjuran – ekstremisma (ghuluww) dan liberalisme (taqsir). Ummatan wasatan bererti kita menegakkan keadilan diantara kedua-dua ekstrem atau keterlanjuran.

Atas semangat wasatiyyah ini, mari kita akur, ‘sadar dan iktiraf’ peripentingnya membina keluarga, masyarakat, dan generasi seterusnya dan ‘sadar dan iktiraf’ bahawa Islam membenci pengganasan.

Pelbagai pihak harus memainkan peranan di dalam menentang keganasan. Pihak pemerintah melalui pelbagai agensinya bertanggungjawab menjamin keselamatan negara dengan bermacam bentuk pendekatan. Masyarakat juga baik institusi keluarga, jiran tetangga, sekolah dan madrasah, institusi masjid dan organisasi perlu bersatu menjelmakan pelbagai usaha dan program, serta langkah menyekat penularan pengganasan.

Apatah lagi bilamana masalah penularan ideologi ganas yang menyalahgunakan agama Islam ini, semua yang bergelar asatizah dan ustazaat perlu ke hadapan memegang amanah, menjaga kemurnian agama Islam itu sendiri, di dalam menolak ideologi yang salah ini.

Hakikatnya, bukan globalisasi mengajar kita, tetapi kita mengemudi globalisasi dengan hikmah kebijaksanaan atas faham kemurnian agama Islam sebagai agama salam, rahmah dan barakah.